

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PELANCARAN JAWATANKUASA PENYELARAS
UNTUK PERBADANAN-PERBADANAN PEM-
BANGUNAN WILAYAH, DI BILIK GERAKAN
PERDANA MENTERI, KUALA LUMPUR PADA
10HB DISEMBER, 1973**

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelaras Perbadanan-perbadanan Pembangunan Wilayah, Tuan-tuan sekalian,

Saya sukacita dapat bersama-sama pada pagi ini serta mengucapkan terimakasih kepada tuan-tuan sekalian kerana dapat hadir untuk melancarkan Jawatankuasa Penyelaras untuk Perbadanan-perbadanan Pembangunan Wilayah ini.

Tujuan menubuhkan Jawatankuasa ini ialah untuk menyelaras dan membantu usaha-usaha Perbadanan-perbadanan Wilayah supaya apa jua masalah atau kesukaran dalam memajukan projek pembangunan di bidang industri dan pertanian dapat diatasi.

Dalam usaha kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, didapati banyak perubahan yang menghendaki kajian dan pertimbangan bersama antara Perbadanan-perbadanan Wilayah, Kerajaan Negeri dan Ajensi-ajensi Kerajaan Pusat. Oleh itu dengan penubuhan Jawatankuasa Penyelaras ini, hubungan antara pihak-pihak berkenaan dapat dilicinkan lagi, dan di samping itu sumbangan dari Kerajaan Pusat untuk kemajuan sesuatu Perbadanan Wilayah akan dapat disalurkan dengan seberapa segera.

Seperti tuan-tuan sedia maklum, konsep pembangunan wilayah sangatlah penting dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Langkah ini merupakan satu strateji yang sangat-sangat diperlukan dalam proses pembangunan Negara iaitu menurut konsep pusat pertumbuhan baru atau new growth centres. Mengikut corak lama yang berjalan sehingga kini, kawasan-kawasan yang sudah raaju menjadi bertambah maju dengan adanya penumpuan faktor-faktor ekonomi dan sosial yang menarik pelaburan baru ke kawasan-kawasan itu seperti yang dialami oleh negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung; sedangkan wilayah-wilayah di Pantai Timur yang tidak mempunyai kemudahan infrastructure terus

tinggal terbiar. Tetapi dengan adanya pembangunan wilayah sebagai satu strategi baru, kita tidak akan lagi mengekalkan pattern pembukaan kawasan pembangunan serta penyebaran kegiatan ekonomi mengikut pilihan dan aliran modal pihak swasta semata-mata. Corak penyebaran kawasan pembangunan dan kegiatan ekonomi akan dipengaruhi dan didorong oleh penyertaan Kerajaan. Untuk menjamin pelaksanaan strategi ini supaya mencapai hasil yang berkesan di serata wilayah maka perlulah diadakan penyelarasan yang boleh mengekalkan kemajuan itu di peringkat yang tinggi.

Nyatalah pembangunan wilayah merupakan strategi penting untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Resources negara yang hingga ini belum dimajukan dengan baik perlulah diusahakan dengan cara yang akan mendatangkan sebanyak-banyak faedah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dalam context ekonomi yang berkembang. Sumber-sumber alam dan kekayaan hasil bumi hanya dapat digunakan dengan berkesan untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi rakyat berbilang kaum jika dimajukan mengikut garis-garis matlamat ekonomi dan sosial yang tertentu dengan sentiasa mengekalkan perimbangan dalam pembangunan antara satu wilayah dengan yang lain.

Tambahan pula, sebahagian besar dari kawasan yang masuk di bawah pembangunan wilayah adalah kawasan-kawasan darat iaitu bukan sahaja belum dimajukan bahkan belum pun ada penduduk atau kemudahan-kemudahan infrastrukturnya. Oleh itu, strategi pembangunan wilayah menjadi satu cabaran perancangan dan pengurusan bagi tuan-tuan yang bertanggungjawab secara langsung dalam pelaksanaannya. Cabaran ini menghendaki kita mencari idea-idea baru bagaimana mempelbagaikan aktiviti-aktiviti ekonomi sesuai dengan keadaan tempatan. Di samping itu cabaran ini akan menguji keupayaan dan kebolehan tuan-tuan membuat penyesuaian antara kriteria-kriteria kejayaan ekonomi dengan keperluan-keperluan sosial. Perhatian hendaklah diberatkan kepada perimbangan dalam langkah-langkah untuk mencapai kedua-dua matlamat Dasar Ekonomi Baru supaya keputusan yang dibuat membawa hasil yang sewajarnya.

Dalam menghadapi masalah-masalah besar seperti ini, saya berharap Jawatankuasa Penyelaras ini akan memberi panduan dan nasihat yang bernas, supaya kemajuan wilayah akan berkembang

terus dengan sihat. Patutlah diingat kejayaan satu wilayah tanpa perimbangan dalam kemajuan ekonomi penduduk-penduduk antara satu wilayah dan wilayah lain tidaklah diinginkan dan bukanlah merupakan satu achievement.

Oleh yang demikian, sangatlah penting strategi pembangunan wilayah itu ditetapkan demi kepentingan negara seluruhnya, dengan kesedaran bahawa peluang pembangunan di kawasan-kawasan yang mempunyai economic potentials tidak disalahgunakan. Kita sendiri melihat gejala-gejala pembangunan di masa lalu yang menimbulkan keadaan yang tidak diinginkan dan melahirkan pattern yang perlu dibaiki menurut Dasar Ekonomi Baru. Pemindahan penduduk dari satu wilayah ke satu wilayah yang mempunyai harapan yang lebih cemerlang dan penyebaran tenaga pengurusan dan professional di antara wilayah-wilayah perlulah digalakkan dalam rangka pembangunan negara seluruhnya.

Di dalam keadaan pembangunan negara yang sedang berjalan dengan pesat sekarang ini, perlumbaan di antara agensi-agensi yang bertugas melaksanakan rancangan pembangunan perlulah diselaras-kan supaya lebih wajar dan mendatangkan faedah kepada rakyat. Keperluan mendapatkan tenaga pengurusan dan professional pelaburan dan lain-lain punca keluaran adalah sama mustahak dengan pengurusan "scarce resources", yang baik dan saksama. Di sinilah pentingnya konsep pembangunan wilayah dalam rangka pembangunan negara. Satu ciri utama dalam pembangunan wilayah ialah bagi membawa perubahan environment untuk memudahkan proses pembangunan; dan ini termasuklah kemudahan memindahkan penduduk dari satu wilayah ke satu wilayah yang memerlukan tenaga manusia ataupun mempunyai potential ekonomi yang lebih baik. Pembangunan wilayah hendaklah juga menggalakkan unculnya masyarakat moden melalui pembaharuan teknologi dan peningkatan taraf hidup mereka.

Di dalam Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua sebanyak \$142.5 juta telah diperuntukkan bagi pembangunan Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan Trengganu Tengah di mana terdapat kira-kira 4.3 juta ekar tanah yang belum dimajukan. Ini tidaklah termasuk peruntukan pembangunan awam bagi kemajuan pertanian dan lain-lain yang juga meliputi wilayah-wilayah pembangunan itu.

Saya percaya rakyat meletakkan harapan yang tinggi kepada pembangunan wilayah untuk mencapai matalamat Dasar Ekonomi

Baru sepenuhnya. Oleh itu tuan-tuan yang bertanggungjawab melaksanakan pembangunan hendaklah sentiasa memerhatikan agar punca keluaran yang belum diusahakan digunakan sebaik-baiknya, menggalakkan pemindahan penduduk ke kawasan-kawasan baru yang mempunyai potential, meluaskan infrastructure serta mengadakan kemudahan dan perkhidmatan sosial supaya menjamin tercapainya matalamat Dasar Ekonomi Baru dengan penuh kejayaan.

Memandang berapa pentingnya strateji pembangunan wilayah dalam usaha pembangunan negara, perlulah persediaan dibuat untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan di setiap wilayah pembangunan melalui satu jawatankuasa di peringkat Pusat supaya sebarang masalah dapat diatasi, pengalaman dan expertise dapat disalurkan untuk faedah bersama dan penyesuaian dapat diadakan supaya terdapat pembangunan yang seimbang dan sihat.

Jawatankuasa Penyelaras untuk Perbadanan-perbadanan Pembangunan Wilayah ini diketuai oleh Y . M . Tunku Datuk Shahrman, Ketua Pengarah ICDAU dengan tugas-tugas berikut:

- (i) Menyelaraskan kegiatan-kegiatan Perbadanan-perbadanan Pembangunan Wilayah untuk mengelakkan duplikasi dan menentukan supaya "expertise" dan "scarce resources" dapat dipusatkan;
- (ii) Menentukan supaya pengetahuan dan expertise ini digunakan untuk faedah bersama;
- (iii) Menentukan supaya tujuan menyusun semula masyarakat mengikut Dasar Ekonomi Baru benar-benar dipatuhi dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek dalam tiap-tiap wilayah pembangunan;
- (iv) Menentukan supaya pembangunan di setiap wilayah pembangunan bergerak ke arah matlamat yang sebenar.

Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada saya mengenai kemajuan perbadanan-perbadanan itu dari masa ke semasa.

Saya menaruh harapan dan keyakinan kepada tuan-tuan supaya memandu usaha-usaha pembangunan oleh Perbadanan-perbadanan Pembangunan Wilayah di atas garis-garis Dasar Ekonomi Baru. Ahli-ahli Jawatankuasa ini akan diperluaskan untuk mewakili Sabah dan Sarawak apabila pembangunan wilayah di Negeri-negeri tersebut berkembang kelak. Saya ucapkan selamat maju jaya dan dengan sukacita saya merasmikan mesyuarat pertama Jawatankuasa ini.